

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, November 13, 2018 12:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Tempat Terbaik Suburkan Pemimpin Masa Hadapan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

13 NOVEMBER 2018 / 5 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UNIVERSITI TEMPAT TERBAIK SUBURKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN



UUM ONLINE: Universiti dan sekolah adalah tempat terbaik untuk menyuburkan pemimpin masa hadapan dengan nilai dan budaya kasih sayang.

Pro-Canselor, Yang Teramat Mulia Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, universiti mahu melahirkan masa hadapan yang bertanggungjawab, penuh dengan sifat kasih sayang dan sanggup berkorban membela rakyat dan negaranya.

Titahnya, universiti juga mahu melahirkan pemimpin dan insan yang mementingkan 'We' atau 'Us' yakni 'kita' dan bukannya 'I' atau 'aku' atau 'saya' sahaja.

"Matlamatnya dengan kata lain, *'how to turn generation 'Me' into generation 'We'?*"

"Pengalaman sekian lama berada dalam dunia kesukarelawanan mendesak saya mempercayai bahawa satu daripada kaedah untuk memupuk rasa kasih sayang dan sifat bertanggungjawab serta sedia berkorban adalah melalui aktiviti sukarela.

"Saya percaya melalui penglibatan sebagai seorang sukarelawan akan menguji kita sedalam mana rasa kasih sayang yang ada di dalam jiwa," titahnya pada sesi ketiga Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di Dewan Mu'adzam Shah.

Pro-Canselor bertitah, penglibatan pelajar dan belia dalam dunia sukarelawan kini semakin popular, malah trend tersebut juga ketara di peringkat antarabangsa seperti yang dilaporkan oleh World Giving Index 2017, namun ianya belum cukup untuk menjadikannya sebagai suatu budaya dalam masyarakat dan juga identiti cerminan pelajar di Malaysia.

Titahnya, faedah memiliki sifat kasih sayang bukan sahaja terhadap mereka yang menerima tetapi kita yang memberi.

"Saya amat berbangga kerana UUM adalah antara universiti yang memberi perhatian terhadap kursus-kursus yang berkaitan dengan kerja sosial atau kesukarelawanan ini.

"Saya berharap UUM dapat mengemudi satu gerakan kesedaran kasih sayang sukarelawan dalam kalangan pelajar sekolah dan mahasiswa universiti di seluruh Malaysia kerana ianya dapat mewujudkan masyarakat madani yang memberi impak terhadap kesejahteraan insan," titahnya.

Pada sesi tersebut, seramai 684 graduan menerima ijazah masing-masing termasuk anugerah utama universiti yang disampaikan Pro-Canselor.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.